



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

SIARAN MEDIA

KPKM BERI JAMINAN BEKALAN MAKANAN ASAS MENCUKUPI SEPANJANG SYAWAL

PUTRAJAYA, 16 APRIL 2024 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberikan jaminan bahawa bekalan makanan asas adalah mencukupi sepanjang bulan Syawal ini. Keyakinan ini adalah selari dengan keupayaan pengeluaran domestik komoditi makanan utama negara oleh para petani, pesawah, peladang, penternak dan nelayan sepanjang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini. Manakala, bekalan komoditi makanan yang terhad pengeluaran domestiknya pula ditampung melalui pengimportan bekalan makanan untuk keperluan pengguna di pasaran.

Tradisi mengadakan rumah terbuka sepanjang bulan Syawal merupakan kelaziman bagi rakyat Malaysia. Tradisi rumah terbuka ini bukan sahaja dianjurkan oleh individu dan keluarga, malah turut dianjurkan oleh sektor awam, korporat, perniagaan, komuniti dan NGO. Oleh itu, jumlah penggunaan bekalan makanan asas dalam kuantiti yang besar diperlukan sepanjang tempoh tersebut.

Maka, KPKM sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap keterjaminan bekalan makanan negara, akan terus memberikan perhatian sepanjang bulan Syawal ini terhadap lapan komoditi makanan utama yang ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) iaitu beras, ayam, telur, daging, sayur-sayuran, buah-buahan, makanan laut dan susu segar bagi memastikan ianya mencukupi untuk keperluan pengguna. Kebolehcapaian komoditi makanan utama ini juga akan disokong oleh outlet pemasaran di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), selain pasar raya dan kedai runcit di seluruh negara.

Dalam masa yang sama, KPKM menggalakkan amalan penggunaan bekalan makanan mengikut keperluan bagi mengelakkan sebarang bentuk pembaziran makanan, khususnya dalam tempoh penganjuran rumah terbuka di bulan Syawal ini.

KPKM mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua rakyat Malaysia dan berharap agar tradisi rumah terbuka ini diteruskan sebagai wadah perpaduan dan penyatuan rakyat Malaysia.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

16 APRIL 2024